

## **Kesilapan penggunaan Keigo (Sonkeigo-Kenjougo) bahasa Jepun**

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesilapan penggunaan *Keigo*(*Sonkeigo-Kenjougo*) bahasa Jepun dan meninjau penggunaan *Keigo* tersebut dalam kalangan pelajar-pelajar Malaysia di Jepun. Dapatan kajian ini adalah berdasarkan 29 soalan ujian bertulis. Keperluan kajian ini adalah berdasarkan permasalahan yang timbul kepada penggunaan *Keigo* bahasa Jepun dalam kalangan pelajar asing. Ia juga mengambil kira kajian lampau yang telah dijalankan oleh Fenny Febrianty (2015). Melalui kajian ini, kesilapan pelajar dalam memilih *Keigo* sama ada ia berbentuk *Sonkeigo* atau *Kenjougo* dikenal pasti dan penggunaan *Keigo* dalam kalangan pelajar dapat dilihat bagi mengenal pasti punca masalah. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar tidak mempunyai kemahiran yang cukup untuk menggunakan *Keigo* akibat kekeliruan dalam membezakan dan menggunakan ayat *Sonkeigo-Kenjougo*. Sebagai kesimpulannya, punca kelemahan pelajar dalam menguasai penggunaan *Keigo* bahasa Jepun dapat dikenal pasti bagi merancang strategi dan meningkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru dan pelajar bahasa Jepun

**Katakunci:** Bahasa hormat; Sonkeigo; Kenjougo; Kesilapan; Bahasa Jepun